

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHG 343 - Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab **EMPAT** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Jawab **soalan no. 1 (SOALAN WAJIB)** daripada Bahagian A dan mana-mana **TIGA** soalan daripada Bahagian B. Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A (40 markah)

1. Pilih dan jawab secara ringkas **LIMA** soalan berikut:
- (a) Bagaimanakah berlakunya proses peralihan daripada Geografi Perniagaan kepada Geografi Ekonomi?
(8 markah)
 - (b) Bandingkan pendekatan-pendekatan yang muncul dalam Geografi Ekonomi sebelum dan selepas tahun 1960.
(8 markah)
 - (c) Apakah unsur-unsur yang mempengaruhi pengertian terhadap sumber?
(8 markah)
 - (d) Apakah kepentingan-kepentingan utama yang terdapat di dalam teori Rostow?
(8 markah)
 - (e) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pengelompokan industri?
(8 markah)
 - (f) Apakah pendekatan umum yang digunakan dalam menganalisis rangkaian pengangkutan?
(8 markah)
 - (g) Bagaimanakah proses perancangan pembangunan dilaksanakan oleh ahli-ahli perancang?
(8 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab TIGA soalan daripada Bahagian ini.

2. Struktur dan interaksi sistem ruangan merupakan sebahagian daripada kajian yang penting di dalam Geografi Ekonomi. Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh yang sesuai.
(20 markah)
3. Terdapat banyak percubaan untuk menggantikan tenaga petroleum dengan sumber-sumber tenaga lain. Bincangkan.
(20 markah)
4. Sejauh manakah dasar pembangunan perindustrian mempengaruhi ekonomi reruang di Malaysia?
(20 markah)
5. Sektor pengangkutan boleh menjamin pembangunan ekonomi yang pesat melalui kepelbagaian aktiviti ekonomi bagi sesebuah negara. Bincangkan dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu.
(20 markah)

oooOooo

